

## Pengaruh Kemahiran Komunikasi dan Kemahiran Penyelesaian Masalah Terhadap Kesiediaan Kerja Pelajar Tahun Akhir Kolej Vokasional Bidang Kulineri

### *The Influence of Communication Skills and Problem-Solving Skills on the Work Readiness among Final Year Students in Culinary at Vocational College*

Ruzaini Nadira Nasaruddin<sup>1</sup>, Wan Hanim Nadrah Wan Muda<sup>1\*</sup>, Nurtasnim Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Technical and Vocational Education,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Quest International University Perak,  
30250 Ipoh, Perak, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [wanhanim@uthm.edu.my](mailto:wanhanim@uthm.edu.my)  
DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2025.10.02.006>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 29 Januari 2025  
Diterima: 1 Julai 2025  
Diterbitkan: 30 September 2025

#### Kata Kunci

Kemahiran keboleherjaan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kesiediaan kerja

#### Abstrak

Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV) memainkan peranan yang besar dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir bagi memenuhi keperluan industri. Bagi membangunkan negara dari aspek ekonomi dan pelancongan, tenaga kerja dalam bidang ini harus dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran keboleherjaan. Kemahiran keboleherjaan meliputi aspek kemahiran kerja berpasukan, komunikasi, penyelesaian masalah, pemikiran kritis, kepimpinan dan lain-lain. PLTV telah menyediakan modul-modul bagi meningkatkan tahap kemahiran keboleherjaan pelajar seperti Modul Core Abilities. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kemahiran kerja berpasukan, komunikasi dan penyelesaian masalah yang terdapat dalam diri pelajar tahun akhir kolej vokasional bidang Seni Kulineri sebelum mereka memasuki industri dan mengenalpasti kemahiran yang boleh mempengaruhi kesiediaan kerja pelajar tersebut. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Seramai 240 responden yang terdiri daripada pelajar tahun akhir kohort 2021 kolej vokasional bidang Seni Kulineri menjawab soal selidik yang disebarkan melalui *Google Form*. Teknik persampelan yang digunakan bagi memilih sampel kajian adalah teknik rawak berstrata. Kajian telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis infrensi iaitu ujian regresi pelbagai. Analisis skor min dan sisihan piawai telah menunjukkan tahap kemahiran kerja berpasukan, komunikasi dan penyelesaian masalah berada pada tahap yang tinggi. Hasil ujian regresi pelbagai telah mendapati kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah dapat mempengaruhi kesiediaan kerja pelajar tahun akhir kolej vokasional

bidang Seni Kulineri. Secara keseluruhan kesediaan kerja pelajar tahun akhir bidang Seni Kulineri berada pada tahap yang tinggi dari aspek kemahiran kerja berpasukan, komunikasi dan penyelesaian masalah.

### Keywords

*Employability skills, teamwork skills, communication skills, problem solving skills*

### Abstract

*Technical and Vocational Education and Training (TVET) plays an important role in producing skilled and semi-skilled workforce to meet the needs of the industry. In order to develop the country from the economic and tourism aspects, the workforce in this field should be equipped with employability skills. Employability skills include aspects of teamwork, communication, problem solving, critical thinking, leadership and others. TVET has provided modules to improve students' employability skills such as the Core Abilities Module. Therefore, this study aims to identify the level of teamwork, communication and problem solving skills found in final year vocational college students in the field of Culinary Arts before they enter the industry and identify skills that can affect the student's work readiness. The research design is a survey study using a quantitative approach. 240 respondents from final year students of the 2021 batch of vocational colleges in the Culinary Arts discipline answered the questionnaire distributed through Google Form. The sampling technique used to select the study sample is a stratified random technique. The study was analyzed using descriptive analysis and inferential analysis which is multiple regression tests. Analysis of the mean score and standard deviation has shown that the level of teamwork, communication and problem solving skills is at a high level. The results of multiple regression tests have found that communication skills and problem solving skills can influence the work readiness of final year vocational college students in the field of Culinary Arts. In conclusion, the work readiness of final year Culinary Arts students is at a high level in terms of teamwork, communication and problem solving skills.*

## 1. Pengenalan

Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV) memainkan peranan yang amat penting dalam menghasilkan tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh pelbagai sektor industri. Sistem PLTV telah mendapat perhatian serius daripada pihak kerajaan untuk memastikan keberkesannya dalam menyokong pembangunan negara (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021). Seiring dengan itu, kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM) sebagai inisiatif untuk memacu kecemerlangan pendidikan di peringkat tinggi. Salah satu matlamat utama dalam PPPM adalah untuk melahirkan graduan yang berkualiti dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (PLTV). Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi, tumpuan diberikan kepada pendekatan kemahiran yang selaras dengan keperluan industri, yang menjadi fokus utama PLTV (Ahmad Zubir, 2022). Untuk mewujudkan daya saing di kalangan modal insan yang berkemahiran tinggi, PLTV memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi ini. Pelbagai bidang kemahiran ditawarkan dalam PLTV, antaranya adalah bidang hospitaliti yang melibatkan kursus kemahiran seperti Seni Kulineri, Pengurusan Hotel, Kosmetologi, Pembuatan Bakeri dan Pastri, serta banyak lagi (Ahmad, 2018). Bidang kulineri khususnya, dilihat sebagai satu bidang yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan turut merentas sektor-sektor lain seperti sektor pelancongan dan hospitaliti (Muhammad et al., 2022). Kulineri juga merupakan salah satu kursus yang ditawarkan dalam kurikulum PLTV. Pendidikan kulineri atau latihan memasak memainkan peranan penting dalam menyokong nilai-nilai berkaitan makanan, pengendalian makanan yang selamat, serta polisi keselamatan pengurusan makanan (Lewis, 2020). Oleh itu, pendidikan kulineri tidak boleh dipandang remeh, kerana ia berkait rapat dengan aspek kesihatan dan keselamatan pemakanan individu.

Kesediaan kerja dikenalpasti telah menjadi elemen penting dalam proses mengambil pekerja baru. Dalam satu kajian oleh Othman dan Hasan (2019) kesediaan kerja didefinisikan sebagai ilmu, teknik kemahiran, perancangan pembelajaran oleh seseorang individu yang ingin mendapatkan latihan bagi memastikan diri mereka bersedia untuk bekerja. Bagi graduan yang ingin mengurangkan persaingan semasa proses mendapatkan kerja, mereka akan cuba membekalkan diri mereka dengan keperluan-keperluan pekerjaan yang dikehendaki oleh majikan. Melalui tindakan ini, mereka akan lebih yakin untuk bersaing secara sihat dengan graduan lain. Kajian

oleh Mohd Puad et al. (2021) menyatakan kemahiran tempat kerja merupakan penyumbang besar dalam keperluan kerja dan kesediaan kerja iaitu sebanyak 85% berbanding 15% lagi iaitu akademik dan kemahiran asas.

Kemahiran kebolehkeraan turut menjadi penyumbang utama dalam menentukan tahap kesediaan graduan. Kemahiran kebolehkeraan merupakan sebilangan kemahiran bukan teknikal yang boleh dipindahkan ke arah bidang pekerjaan yang berbeza (Yusof et al., 2018). Kemahiran kebolehkeraan pelajar adalah bergantung kepada tahap sokongan yang diterima oleh pihak fakulti dan universiti. Dalam satu kajian oleh Chigbu dan Nekhwevha (2022) tindakan institusi pengajian tinggi dalam menyusun kualiti pembelajaran pelajar, kesediaan, kemahiran, keyakinan dan sikap bekerja mampu meningkatkan tahap kemahiran kebolehkeraan. Kemahiran kebolehkeraan dapat dibentuk melalui pembelajaran berasaskan pengalaman. Kursus teknikal atau vokasional memfokuskan kepada penyampaian kemahiran spesifik berdasarkan kompetensi di tempat kerja (Miller, 2019). Melalui kemahiran yang diperoleh, pelajar dapat mempraktikkan kemahiran tersebut di tempat kerja mereka.

Masalah yang dialami oleh majikan terhadap graduan kulinari yang tidak mampu mempraktikkan kemahiran kerja berpasukan dengan baik di tempat kerja telah memberi pandangan yang negatif kepada pihak institusi pendidikan (Suhairom et al., 2019). Majikan menganggap institusi pendidikan tidak mampu menyediakan tenaga kerja yang sepadan dengan keperluan industri. Kemampuan pelajar kulinari yang rendah dalam menyelesaikan masalah di dapur dengan pantas turut mengundang ketidakselesaan para majikan yang mengambil mereka bagi menjalankan latihan industri (Affandy et al., 2020). Tanpa kebolehan dalam penyelesaian masalah, pelajar kulinari dianggap tidak bersedia untuk menghadapi cabaran sebenar dalam industri kulinari (Techanamurthy et al., 2018). Isu kemahiran kebolehkeraan terus berlarutan apabila pelajar dilihat kurang keyakinan diri untuk berkomunikasi semasa bekerja di dapur (Gevana et al., 2021). Perkara ini telah menyebabkan tugas-tugas pengendalian dapur tidak dapat dijalankan dengan baik dan menjejaskan produktiviti sesebuah restoran sekali gus memberi kerugian kepada majikan. Kelemahan pelajar dalam mempraktikkan kemahiran kebolehkeraan mungkin akan memberi kesan kepada kesediaan kerja mereka seterusnya menyebabkan peluang untuk masuk ke industri semakin sukar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat kesediaan kerja pelajar dari aspek kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah. Melalui kajian ini juga, pengkaji ingin mengenalpasti sama ada Model Kecekapan Bersepadu Kesediaan Kerja sesuai untuk digunakan dalam konteks kemahiran kebolehkeraan pelajar tahun akhir kolej vokasional Bidang Seni Kulinari. Keperluan lain bagi menjalankan kajian ini adalah untuk melihat isu-isu berkaitan tahap kemahiran kebolehkeraan dari perspektif pelajar kulinari sendiri.


## 2. Kajian Literatur

Pada bab sorotan kajian ini akan membincangkan mengenai definisi bagi pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar yang terdapat dalam kajian ini. Penulis akan mengemukakan hasil pembacaannya dari kajian lepas yang berkaitan dengan isu yang dipilih.

### 2.1 Model Kecekapan Bersepadu Kesediaan Kerja (Work-Readiness Integrated Competence Model)

Terdapat satu model yang diambil untuk dijadikan rujukan dalam kajian yang penulis jalankan. Model kecekapan bersepadu kesediaan kerja meliputi empat elemen utama iaitu sumber intelektual, sumber kemahiran meta, sumber khusus pekerjaan dan sumber personaliti (Prikshat, Kumar, et al., 2019). Model ini telah dibangunkan bagi menyesuaikan kajian sedia ada dengan responden yang berbeza.

Elemen sumber intelek yang terlibat dalam kajian ini adalah merangkumi pembuatan keputusan, penyelesaian masalah, penaaakulan dan untuk mengetahui kaedah bagaimana pelajar dapat mempelajari sesuatu perkara melalui pengalaman yang dilalui (Prikshat, Kumar, et al., 2019). Melalui elemen kedua iaitu sumber personaliti, ia melibatkan ciri yang diperlukan oleh graduan bagi membentuk personaliti yang mampu meningkatkan prestasi dan memberi sumbangan kepada organisasi majikan. Antara sub elemen yang terlibat adalah kemahiran kreativiti dan inovasi, kepimpinan, pengurusan sendiri. Seterusnya elemen ketiga yang ditetapkan oleh pengkaji ini ialah sumber khusus pekerjaan dan hanya ada satu sub elemen iaitu kemahiran teras keusahawanan. Akhir sekali ialah elemen sumber kemahiran meta yang merangkumi empat sub elemen iaitu kemahiran kerja berpasukan dan politik, komunikasi, teknologi maklumat dan pemikiran sistem. Rajah 2.1 menunjukkan Elemen Kecekapan Bersepadu Kesediaan Kerja.



**Rajah 2.1** Elemen kecekapan bersepadu kesediaan kerja  
 Sumber: Prikshat, Kumar, et al., 2019

### 2.1.1 Kemahiran Kerja Berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan atau juga dikenali sebagai kemahiran kolaboratif merupakan satu kemahiran yang sering diperlukan dalam mana-mana bidang pekerjaan (Hidayatulloh dan Ashoumi, 2022). Pengkaji ini telah menjalankan kajian untuk mengukur tahap kemahiran kolaborasi dalam kalangan pelajar kolej vokasional. Dalam kajian yang sama pengkaji menyatakan proses pembentukan kerja berpasukan ini dapat meningkatkan produktiviti dan pembangunan sesebuah syarikat. Bagi memastikan kemahiran ini dapat dibentuk dengan baik, kemahiran ini seharusnya dipupuk sewaktu pelajar masih kecil. Kajian oleh (Robbins et al., 2019) memberi hujah guru merupakan individu yang seharusnya menerapkan pembelajaran kolaboratif yang membolehkan pelajar menguasai kebolehan untuk bekerja bersama-sama rakan sebaya.

Dalam bidang hospitaliti, apabila kerja dilakukan dalam pasukan, ia bermakna setiap orang akan bekerjasama menggunakan kemahiran individu mereka dalam melaksanakan tugas bagi mencapai matlamat yang sama (Abam, 2019). Penulis turut berpendapat perbezaan bakat atau kemahiran dan kombinasi kebolehan ini adalah diperlukan untuk menyiapkan tugas yang diberikan mengikut kehendak majikan

### 2.1.2 Kemahiran Komunikasi

Komunikasi merupakan satu medium yang membolehkan setiap insan untuk berhubung dengan orang lain dalam kelompok masyarakatnya (Ismail et al., 2020). Dalam penulisan yang sama pengkaji menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai kemahiran komunikasi diibaratkan seperti memiliki satu senjata yang kukuh terutamanya pada zaman ini. Kajian oleh Mohd Puad et al. (2021) terhadap pelajar kolej vokasional Seni Kulinari telah mendapati kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar tersebut berada pada tahap yang sederhana. Pengkaji menyatakan majikan mengutamakan graduan yang mempunyai kemahiran berkomunikasi, kemahiran interpersonal, kemahiran bekerja di dalam kumpulan untuk direkrut sebagai pekerja mereka.

Walau bagaimanapun dalam satu kajian lain oleh Fenech et al. (2020) mereka memberi hujah yang berbeza iaitu komunikasi merupakan satu item untuk menentukan tahap keyakinan seseorang pelajar. Beliau berpendapat, pelajar yang mempunyai kemahiran komunikasi merupakan pelajar yang mempunyai keyakinan yang tinggi. Dalam satu kajian oleh Borg dan Scott-Young (2020) melalui pemerhatian mereka, kebanyakan pelajar tahun akhir yang sedang menjalankan latihan industri di organisasi beliau mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dengan rakan sekerja. Hal ini menyebabkan apabila mereka dimarahi, mereka sukar untuk memberi sebarang respon.

### 2.1.3 Kemahiran Penyelesaian Masalah

Kemahiran menyelesaikan masalah adalah termasuk mentakrifkan masalah, mencadangkan penyelesaian dan melaksanakannya, membuat susulan menyelesaikan masalah, menilai keputusan yang dibuat, dan memastikan kepuasan pelanggan (Zekry et al., 2023). Kajian oleh Nunung et al. (2018) mengenai kemahiran penyelesaian

masalah dalam kalangan pelajar kulinari mendapati bahawa pelajar sukar untuk menyelesaikan sesuatu masalah secara tiba-tiba. Hal ini telah menyebabkan aktiviti kerja di dalam dapur terjejas apabila sesuatu masalah muncul secara drastik.

Dalam bidang kulinari sendiri, kemahiran penyelesaian masalah dilihat sebagai satu kemahiran yang penting untuk mewujudkan penyelesaian yang inovatif dan kreatif di tempat kerja (Techanamurthy et al., 2018). Melalui kajian ini, penulis menyatakan tahap kemahiran penyelesaian masalah pelajar dari kolej komuniti berada pada tahap yang sederhana dan hasil pemantauan penulis, pengajar nampaknya tidak menekankan pembangunan kemahiran menyelesaikan masalah semasa menjalankan sesi pengajaran

## 2.2 Kemahiran Kebolehkkerjaan

Setiap institusi pendidikan sudah pasti mempunyai matlamat untuk menyediakan graduan yang bersedia untuk bekerja di dalam industri selepas bergraduasi (McGunagle dan Zizka, 2020). Keupayaan seseorang dalam meningkatkan pencapaian diri dari aspek kemahiran asas, tahap pemahaman, perwatakan peribadi dikenali sebagai kemahiran kebolehkkerjaan (Ahmad Zubir, 2022). Menurut Yusof et al. (2018) seseorang graduan yang mampu mengaitkan kemahiran bukan teknikal dengan tingkah laku dan perwatakan peribadi mereka dalam usaha mendapatkan pekerjaan, perkara tersebut turut diklasifikasikan sebagai kemahiran kebolehkkerjaan atau nama lainnya ialah kemahiran employability.

Namun, menurut Ahmad Zubir (2022) terdapat 7 elemen yang terdapat di bawah kemahiran kebolehkkerjaan iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja berpasukan, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan, kemahiran moral dan etika profesional, kemahiran kepimpinan, kemahiran keusahawanan dan kemahiran berfikir kritis dan menyelesaikan masalah. Kemahiran kebolehkkerjaan adalah penting dalam dunia pekerjaan masa kini kerana ia memerlukan pekerja yang layak dan profesional untuk memenuhi kehendak dan cabaran industri (Gevana et al., 2021). Selain daripada dapat memenuhi keperluan industri, ia juga penting untuk meningkatkan daya saing pelajar kolej vokasional dan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat belajar (Ahmad et al., 2017). Jadual 2.1 di bawah menunjukkan perbezaan istilah kemahiran kebolehkkerjaan mengikut negara.

**Jadual 2.2** Perbezaan istilah kemahiran kebolehkkerjaan

| Negara           | Istilah                                                      |
|------------------|--------------------------------------------------------------|
| Britain          | <i>Core Skills, key skill, common skills</i>                 |
| New Zealand      | <i>Essential Skill</i>                                       |
| Australia        | <i>Key competencies. Employability skill, generic skill,</i> |
| Kanada           | <i>Employability skill</i>                                   |
| Amerika Syarikat | <i>Basic skill, neccessary skills, workplace know-how</i>    |
| Singapura        | <i>Critical enabling skill</i>                               |
| Perancis         | <i>Transferable skills</i>                                   |
| Jerman           | <i>Key qualifications</i>                                    |
| Switzerland      | <i>Trans-disciplinary goals</i>                              |
| Denmark          | <i>Process independent qualifications</i>                    |

*Sumber: National Centre for Vocational Education Research (2003)*

## 3. Metodologi

Pada bab ini, metodologi dibincangkan secara terperinci mengenai bagaimana kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang kulinari sebelum memasuki industri. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Menurut (Creswell dan Creswell, 2018), pendekatan penyelidikan merupakan satu perancangan dan prosedur untuk penyelidikan yang merangkumi kaedah terperinci pengumpulan, analisis serta pentafsiran data. Hasil penulisan (Talib, 2019) kaedah tinjauan merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, sikap atau persepsi populasi yang ingin dikaji. Sebagai contoh, kajian tinjauan yang telah dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap tahap kemahiran kerja berpasukan, komunikasi dan penyelesaian masalah yang terdapat dalam diri mereka sebelum memasuki industri. Melalui kajian ini juga pengkaji telah mengenalpasti adakah kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi,

kemahiran penyelesaian masalah menjadi peramal kepada kesediaan kerja pelajar tahun akhir kolej vokasional bidang seni kulinari.

### 3.1 Populasi dan Sampel

Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar tahun akhir kolej vokasional yang mengambil kursus Seni Kulinari iaitu Kohort 2021. Populasi ini telah menjadi pilihan pengkaji berdasarkan pendapat yang dibuat dari kajian lepas (Mohamed, 2020) iaitu pelajar kolej vokasional tahun akhir telah mempelajari kemahiran-kemahiran kebolehterampilan selama empat tahun sepanjang sesi pengajian di kolej vokasional dan mereka sewajarnya menguasai semua kemahiran tersebut sebelum memasuki bidang industri.

Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini adalah di Kolej Vokasional yang menempatkan pelajar kursus seni kulinari di Semenanjung Malaysia. Sebanyak 18 buah kolej vokasional yang mempunyai kursus Seni Kulinari namun hanya 17 buah kolej vokasional yang mempunyai pelajar tahun akhir bidang tersebut terlibat dalam kajian ini. Kolej Vokasional Pagoh merupakan salah satu kolej vokasional yang baru beroperasi pada tahun 2021. Jadi, mereka tidak mempunyai pelajar diploma tahun akhir di kolej vokasional tersebut. Jumlah populasi kajian adalah seramai 409 dan keseluruhan pelajar ini adalah dari 17 buah kolej vokasional. Pengkaji telah mendapatkan senarai bilangan pelajar daripada Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV) dan pengkaji telah mengelompokkan kesemua kolej vokasional mengikut zon iaitu Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Pantai Timur dan Zon Utara.

Saiz sampel merupakan satu bilangan yang jelas terhadap jumlah responden yang dipilih untuk dijadikan sebagai sampel melalui ciri yang sama dengan populasi (Piaw, 2021). Bilangan sampel yang digunakan oleh pengkaji akan ditentukan menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Bilangan sampel ini juga akan bergantung kepada bilangan populasi bagi kajian ini. Berdasarkan jadual penentuan sampel, pengkaji memilih sampel seramai 201 orang pelajar memandangkan nilai populasi melebihi 400 dan menghampiri 420 orang. Menurut Mohamed (2020) pengkaji boleh mengambil sampel kajian melebihi bilangan sampel kajian yang dicadangkan dalam jadual penentuan sampel. Hal ini demikian kerana sekiranya terdapat kesalahan pada data yang dikutip, kita boleh membuang data tersebut kerana kita mempunyai sampel yang lebih. Oleh itu, pengkaji telah mengambil keputusan untuk menapis dan memilih sebanyak 240 maklum balas daripada responden.

### 3.2 Analisis Data

Analisis data kajian diperlukan untuk membantu pengkaji menjalankan ujian bagi menjawab persoalan kajian yang dibina. Bagi menjawab persoalan pertama, kedua dan ketiga pengkaji menggunakan analisis deskriptif untuk mendapat nilai min dan sisihan piawai. Seterusnya, bagi menjawab persoalan kajian keempat pengkaji menggunakan statistik inferensi untuk melihat sama ada kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah menjadi peramal kepada kesediaan kerja pelajar tahun akhir kolej vokasional yang mengambil bidang kulinari sebelum memasuki industri.

## 4. Dapatan Kajian

Bab ini membincangkan secara terperinci hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada maklum balas responden. Pengkaji telah mengedarkan pautan Google Form yang mengandungi soalan soal selidik kepada ketua program Seni Kulinari di 17 buah kolej vokasional yang terlibat. Pengkaji telah menetapkan tempoh masa selama tiga minggu untuk ketua program Seni Kulinari membantu pengkaji mengedarkan pautan Google Form kepada pelajar dan meminta pelajar mereka melaksanakan soal selidik tersebut. Setelah tamat tempoh masa yang diberikan, pengkaji mula menyemak hasil maklum balas responden. Terdapat sebanyak 240 maklum balas soal selidik yang diterima oleh pengkaji untuk dianalisis. Data telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0.

### 4.1 Tahap Kemahiran Kerja Berpasukan, Komunikasi dan Penyelesaian Masalah

Kemahiran kerja berpasukan merupakan salah satu pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Terdapat 11 item yang digunakan bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan yang terdapat dalam diri mereka. Analisis dibuat berdasarkan nilai min bagi setiap item. Menurut Gliner et al. (2017) bagi nilai  $1.00 \leq \text{min} \leq 2.40$ , interpretasinya adalah rendah. Seterusnya, bagi nilai  $2.41 \leq \text{min} \leq 3.80$ , interpretasinya adalah sederhana. Bagi nilai  $3.81 \leq \text{min} \leq 5.00$ , interpretasinya adalah tinggi. Analisis menunjukkan tahap kemahiran kerja berpasukan secara keseluruhan mencatatkan skor yang tinggi iaitu nilai min sebanyak 4.27 dan sisihan piawai adalah 0.42.

Kemahiran kerja berpasukan merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang kedua. Terdapat lapan item yang disediakan bagi mengukur tahap kemahiran komunikasi yang terdapat dalam diri pelajar berdasarkan

persepsi mereka sendiri. Bahagian ini juga menggunakan skor min bagi menilai tahap kemahiran komunikasi tersebut. Secara keseluruhan, pemboleh ubah kemahiran komunikasi mencatatkan nilai purata min sebanyak 4.14 dan sisihan piawai 0.46 bagi kesemua lapan item ini. Berdasarkan jadual interpretasi min, nilai ini dikira sebagai tahap yang tinggi.

Kemahiran penyelesaian masalah merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang ketiga dan merupakan elemen bagi mengetahui tahap kesediaan kerja daripada aspek penyelesaian masalah. Dalam bahagian ini terdapat lapan item yang telah diadaptasi bagi mengukur tahap kemahiran penyelesaian masalah yang terdapat dalam diri pelajar tersebut. Secara keseluruhan, purata min bagi kesemua item dalam kemahiran penyelesaian masalah adalah sebanyak 3.98 dan sisihan piawai adalah 0.51 dan diinterpretasikan sebagai tahap tinggi.

## 4.2 Pengaruh Kemahiran Kerja Berpasukan, Komunikasi dan Penyelesaian Masalah terhadap Kesediaan Kerja Pelajar

Selari dengan objektif kajian yang keempat iaitu mengenalpasti sama ada kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah dapat menjadi peramal terhadap kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang seni kulinari sebelum memasuki industri, pengkaji telah menjalankan ujian di perisian (SPSS) bagi mencapai objektif tersebut. Memandangkan data ini bertaburan normal, pengkaji menggunakan ujian parametrik iaitu ujian regresi bagi menentukan peramal terhadap kesediaan kerja pelajar kolej vokasional.

Sebelum menganalisis ujian regresi terhadap kesemua pemboleh ubah, pengkaji telah menjalankan ujian korelasi bagi melihat hubungan di antara kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah dengan kesediaan kerja pelajar tahun akhir kolej vokasional bidang kulinari.

**Jadual 4.1** Ujian korelasi Pearson bagi hubungan kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah dengan kesediaan kerja pelajar tahun akhir Kolej Vokasional bidang Seni Kulinari

|                      | Kemahiran Kerja Berpasukan | Kemahiran Komunikasi | Kemahiran Penyelesaian Masalah |
|----------------------|----------------------------|----------------------|--------------------------------|
| Kesediaan Kerja      |                            |                      |                                |
| Korelasi Pearson (r) | 0.679**                    | 0.771**              | 0.761**                        |
| Sig.                 | 0.000                      | 0.000                | 0.000                          |
| N                    | 240                        | 240                  | 240                            |

Sebelum menganalisis ujian regresi terhadap kesemua pemboleh ubah, pengkaji telah menjalankan ujian korelasi bagi melihat hubungan di antara kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah dengan kesediaan kerja pelajar tahun akhir kolej vokasional bidang kulinari. Jadual 4.7 merupakan ringkasan daripada ujian korelasi tersebut. Berdasarkan jadual 4.7, terdapatnya hubungan signifikan yang tinggi di antara kemahiran komunikasi dan kesediaan kerja ( $r = .771$ ,  $p < 0.05$ ). Hubungan ini diklasifikasikan sebagai hubungan yang tinggi kerana nilai  $r$  melebihi 0.70 (Mukaka, 2012). Hubungan signifikan yang tinggi turut direkodkan di antara kemahiran penyelesaian masalah dengan kesediaan kerja ( $r = 0.761$ ,  $p < 0.05$ ). Diikuti dengan kemahiran kerja berpasukan yang mempunyai hubungan signifikan yang sederhana dengan kesediaan kerja ( $r = 0.679$ ,  $p < 0.05$ ). Jadi secara keseluruhan, ketiga-tiga kemahiran ini mempunyai hubungan signifikan dengan kesediaan kerja pelajar tahun akhir kolej vokasional dalam bidang kulinari.

**Jadual 4.2** Analisis regresi pelbagai untuk penentu faktor peramal kesediaan kerja

| Pemboleh ubah                  | B    | SEB   | $\beta$ | t     | Sig   |
|--------------------------------|------|-------|---------|-------|-------|
| Pemalar                        | 0.38 | 0.177 |         | 2.163 | 0.032 |
| Kemahiran Kerja Berpasukan     | 0.10 | 0.064 | 0.088   | 1.539 | 0.125 |
| Kemahiran Komunikasi           | 0.43 | 0.060 | 0.421   | 7.194 | .000  |
| Kemahiran Penyelesaian Masalah | 0.39 | 0.049 | 0.412   | 7.917 | .000  |

Analisis regresi pelbagai telah dijalankan bagi meramal kesediaan kerja daripada pemboleh ubah kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah. Secara keseluruhan regresi tersebut adalah signifikan,  $F(3,236) = 181.41$ ,  $p < 0.05$ ,  $R^2 = 0.70$ . Terdapat dua faktor daripada tiga kemahiran tersebut yang dapat menjadi peramal yang signifikan kepada kesediaan kerja pelajar tahun akhir kolej vokasional dalam bidang kulinari iaitu kemahiran komunikasi ( $\beta = 0.412$ ,  $t(236) = 7.19$ ,  $p < 0.05$ ) dan kemahiran penyelesaian masalah ( $\beta = 0.412$ ,  $t(236) = 7.92$ ,  $p < 0.05$ ). Analisis regresi ini menggunakan persamaan  $\hat{Y} = 0.39 + 0.10 + 0.43 + 0.39$ . Oleh kerana nilai  $p$  bagi kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah kurang dari 0.05,  $H_0$  berjaya ditolak. Maka, kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah dapat mempengaruhi kesediaan kerja pelajar. Namun, nilai  $p$  bagi kemahiran kerja berpasukan lebih daripada 0.05,  $H_0$  gagal ditolak. Oleh itu, kemahiran kerja berpasukan tidak boleh menjadi peramal terhadap kesediaan kerja pelajar.

## 5. Perbincangan

Perbincangan dapatan kajian adalah berpandukan maklum balas yang diperoleh daripada responden kajian iaitu pelajar tahun akhir kolej vokasional bidang Seni Kulinari mengenai tahap kesediaan kerja mereka sebelum memasuki industri.

### 5.1 Tahap Kemahiran Kerja Berpasukan Yang Terdapat Dalam Diri Pelajar Kolej Vokasional Bidang Seni Kulinari

Kemahiran kerja berpasukan merupakan salah satu kemahiran di bawah elemen sumber kemahiran meta dalam Model Kecekapan Bersepadu Kesediaan Kerja. Kemahiran ini diukur bagi mengetahui tahap kemahiran kerja berpasukan yang terdapat dalam diri pelajar. Bagi mendapat jawapan kepada persoalan ini, analisis deskriptif telah digunakan iaitu nilai min dan sisihan piawai. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, skor min bagi kemahiran kerja berpasukan adalah sebanyak 4.27. Nilai ini menunjukkan kemahiran kerja berpasukan bagi pelajar tahun akhir bidang Seni Kulinari berada pada tahap yang tinggi. Kemahiran ini dapat membantu pelajar semasa proses bekerja dengan pelbagai kumpulan kerja dan individu dalam sesebuah organisasi. Sekiranya pelajar tidak menguasai kemahiran kerja berpasukan dengan baik, ia akan menyukarkan proses pembahagian dan pelaksanaan tugas di dalam dapur (Gevana et al., 2021).

Berdasarkan nilai skor min yang tertinggi dalam kalangan item, hasil menunjukkan para pelajar bersetuju bahawa mereka merancang keputusan bersama-sama ahli kumpulan. Perancangan yang dibuat dilihat dapat memberi peluang kepada setiap ahli kumpulan untuk melontarkan idea masing-masing (Abam, 2019). Kecekapan operasi di dapur adalah bergantung kepada tahap kerja berpasukan yang ditonjolkan oleh para pekerja. Dalam pengoperasian sesebuah restoran tahap kecekapan operasi yang tinggi diperlukan bagi memenuhi permintaan pelanggan. Kemahiran kerja berpasukan membolehkan pelajar mengagihkan tugas, menyelaraskan aktiviti dan memastikan semua aspek penyediaan makanan serta perkhidmatan dapat diuruskan dengan baik. Dapatan kajian ini dilihat selari dengan hasil dapatan kajian oleh Ahmad et al. (2017) yang mendapati kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar hospitaliti berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan penilaian sendiri yang dijalankan dalam kajian ini, pelajar mampu untuk menyokong ahli kumpulan kerja untuk menyusun aktiviti operasi dalam dapur bagi memastikan pengalaman menjamu selera yang baik buat pelanggan.

Namun begitu, terdapat kajian-kajian lain yang memperoleh hasil dapatan yang berlainan dengan kajian ini. Kajian oleh Mohamed (2020) berkenaan hubungan antara motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran pelajar seni kulinari kolej vokasional menunjukkan dapatan bahawa kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Pengkaji turut menyarankan pihak Kolej Vokasional supaya mencari alternatif bagi meningkatkan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar.

### 5.2 Tahap Kemahiran Komunikasi Yang Terdapat Dalam Diri Pelajar Kolej Vokasional Bidang Seni Kulinari

Kemahiran lain yang turut terlibat dalam elemen sumber kemahiran meta adalah kemahiran komunikasi. Pengkaji turut memilih kemahiran komunikasi sebagai pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini. Kemahiran ini juga terdapat di dalam Model Kecekapan Bersepadu Kesediaan Kerja. Kaedah yang digunakan bagi mengenalpasti tahap kemahiran komunikasi yang terdapat dalam diri pelajar adalah dengan menilai skor min dan sisihan piawai dalam analisis deskriptif. Terdapat lapan item yang diadaptasi bagi mengenalpasti kemahiran komunikasi ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan purata keseluruhan min bagi kemahiran komunikasi adalah sebanyak 4.14 dan berdasarkan nilai ini, tahap kemahiran komunikasi diklasifikasikan sebagai tahap tinggi.

Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar lebih selesa untuk berinteraksi dalam Bahasa Melayu kerana mereka mudah untuk memahami bahasa tersebut. Pemilihan bahasa juga merupakan aspek yang penting dalam komunikasi bagi memastikan komunikasi yang berkesan dapat diwujudkan (Ismail et al., 2020). Penggunaan

bahasa yang mudah difahami dapat membantu pelajar berkomunikasi dengan rakan sekerja di dapur. Sekiranya komunikasi yang berkesan tidak dapat diwujudkan, sudah pasti segala tugas yang diberikan tidak dapat diselesaikan dengan baik.

Komunikasi merupakan satu kemahiran yang sangat diperlukan dalam apa jua bidang pekerjaan. Setiap majikan mencari graduan yang bukan sahaja cemerlang daripada aspek akademik malah mereka turut mencari pelajar yang dapat menguasai kemahiran kebolehkeraan seperti kemahiran komunikasi ini. Hasil dapatan ini telah menunjukkan tahap kemahiran komunikasi dalam diri pelajar tahun akhir kolej vokasional bidang Seni Kulineri berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini adalah seiring dengan dapatan kajian oleh Gevana et al., (2021) yang mengkaji kesediaan karier dan kemahiran kebolehkeraan dalam kalangan pelajar hospitaliti serta menunjukkan tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan responden berada pada tahap yang tinggi. Namun, terdapat juga kajian yang menemui hasil kajian yang sedikit berbeza iaitu kajian oleh Ali (2023) berkenaan hubungan kemahiran insaniah dengan kebolehgajian pelajar TVET dalam kalangan pelajar daripada Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Kinabalu mendapati tahap kemahiran komunikasi mereka berada pada tahap yang sederhana.

### 5.3 Tahap Kemahiran Penyelesaian Masalah Yang Terdapat Dalam Diri Pelajar Kolej Vokasional Bidang Seni Kulineri

Kemahiran terakhir yang terlibat dalam kajian ini sebagai pemboleh ubah tidak bersandar ialah kemahiran penyelesaian masalah. Kemahiran penyelesaian masalah terletak dibawah kemahiran kognitif dan elemen sumber intelektual dalam Model Kecekapan Bersepadu Kesediaan Kerja. Berdasarkan purata keseluruhan min bagi kemahiran penyelesaian masalah iaitu 3.98, pengkaji telah menginterpretasikan tahap kemahiran ini berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan menunjukkan rata-rata pelajar bersetuju bahawa mereka dapat bertindak secara logik untuk menyelesaikan masalah sebelum membuat sesuatu keputusan.

Merujuk kepada dapatan tersebut, pelajar dilihat dapat bertindak secara rasional sebelum membuat sesuatu keputusan. Kemahiran penyelesaian masalah dilihat dapat membantu pelajar kulineri untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi seperti majlis yang berlangsung pada saat akhir, kehilangan barang semasa penerimaan pesanan barangan dapur, tetamu yang berlebihan di dalam sesuatu majlis dan lain-lain (Techanamurthy et al., 2020). Sekiranya kemahiran ini dapat dikekalkan dalam diri para pelajar, sudah pasti mereka bersedia untuk memasuki industri dan dapat menjalankan kerja dengan baik.

Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian (Lewis, 2020) iaitu tahap kemahiran penyelesaian masalah bagi pelajar hospitaliti berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan ini adalah selaras dengan sasaran institusi pendidikan yang ingin melahirkan graduan sebagai tenaga mahir dari segi teknikal dan kemahiran insaniah seperti kemahiran penyelesaian masalah. Walau bagaimanapun, kajian oleh Techanamurthy et al. (2018) menunjukkan hasil dapatan yang sedikit berbeza iaitu tahap kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar kulineri di Kolej Komuniti berada pada tahap yang sederhana. Pengkaji telah membahagikan kemahiran penyelesaian masalah kepada empat elemen iaitu penganalogian, pemodelan, penaakulan dan penghujahan.

### 5.4 Pemboleh Ubah Yang Mempengaruhi Tahap Kesediaan Kerja Pelajar Kolej Vokasional Bidang Seni Kulineri Sebelum Memasuki Industri

Persoalan terakhir dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti apakah peramal kepada kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang seni kulineri sebelum memasuki industri. Pengkaji telah meletakkan tiga faktor peramal iaitu kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah. Hasil dapatan kajian menunjukkan hanya dua daripada tiga pemboleh ubah tersebut yang dapat menjadi faktor peramal kepada kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang seni kulineri sebelum memasuki industri. Faktor peramal yang pertama adalah kemahiran komunikasi dengan nilai yang diperoleh  $\beta = 0.412$ ,  $t(236) = 7.19$ ,  $p < 0.05$ . Disebabkan nilai  $p$  yang diperoleh lebih rendah daripada 0.05, maka kita menerima kemahiran komunikasi sebagai peramal kepada kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang seni kulineri sebelum memasuki industri.

Selain itu, kemahiran penyelesaian masalah turut berjaya menjadi peramal kepada kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang seni kulineri sebelum memasuki industri apabila memperolehi nilai ( $\beta = 0.412$ ,  $t(236) = 7.92$ ,  $p < 0.05$ ). Pemboleh ubah ini turut diterima kerana nilai  $p$  adalah kurang dari 0.05. Kemahiran penyelesaian masalah yang tinggi akan membantu pelajar kolej vokasional untuk lebih bersedia memasuki industri kulineri. Walaupun terdapat hubungan positif yang kuat di antara kemahiran kerja berpasukan dan kesediaan kerja pelajar, namun hasil analisis regresi pelbagai menunjukkan kemahiran kerja berpasukan belum mencukupi untuk menjadi peramal kepada kesediaan kerja kerana nilai  $p$  adalah 0.125 dan ia melebihi 0.05.

Hasil kajian oleh Hidayatulloh dan Ashoumi (2022) menunjukkan dapatan yang selari dengan kajian ini iaitu kemahiran komunikasi memberi kesan yang signifikan terhadap kesediaan kerja pelajar kolej vokasional. Dapatan ini turut menunjukkan kebolehan berkomunikasi adalah berkadar langsung dengan kesediaan kerja pelajar.

Selain itu, kajian daripada Gevana et al. (2021) turut mendapat hasil yang selari iaitu kemahiran kebolehkeraan mempengaruhi kesediaan karier dalam kalangan pelajar hospitaliti. Oleh itu, pengkaji dapat simpulkan bahawa kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah menjadi antara faktor peramal kepada kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang seni kulinari sebelum memasuki industri.

## Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, dan kemahiran penyelesaian masalah memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kesediaan kerja pelajar kolej vokasional bidang Seni Kulinari sebelum memasuki industri. Kajian ini mendapati bahawa kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesediaan kerja pelajar. Pelajar yang menguasai kedua-dua kemahiran ini lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam industri, terutama dalam situasi yang memerlukan komunikasi yang berkesan dan kemampuan untuk menyelesaikan masalah secara logik dan rasional. Kemahiran ini juga menyumbang kepada kecekapan operasi dalam dapur dan dapat memperbaiki hubungan kerja dalam persekitaran industri kulinari yang memerlukan kerjasama antara individu.

Namun demikian, walaupun kemahiran kerja berpasukan mempunyai hubungan positif dengan kesediaan kerja, ia tidak menunjukkan hubungan yang signifikan sebagai faktor peramal dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa pengukuhan dalam kemahiran kerja berpasukan perlu diberi perhatian lebih dalam kurikulum dan latihan kolej vokasional bagi memastikan pelajar benar-benar bersedia dalam bekerja secara berpasukan dalam industri. Secara keseluruhan, hasil kajian ini memberikan gambaran yang jelas bahawa penguasaan kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah merupakan elemen kritikal dalam mempersiapkan pelajar kolej vokasional bidang Seni Kulinari untuk berjaya dalam industri yang berdaya saing.

## Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini sehingga berjaya diterbitkan.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan mengenai penerbitan manuskrip ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada manuskrip ini seperti berikut: **konsep dan reka bentuk kajian:** Ruzaini Nadira Nasarudin dan Wan Hanim Nadrah binti Wan Muda.; **penyediaan draf manuskrip konsep dan reka bentuk kajian:** Ruzaini Nadira Nasarudin, Wan Hanim Nadrah binti Wan Muda dan Nurtasnim binti Ismail. Semua penulis menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

## Rujukan

- Abam, E. N. (2019). The Impact of Teamwork in the Hospitality Establishment – A Case Study of Chariot Hotelbuea. *Open Journal of Human Resource Management*, 2(2), 1–3. <https://doi.org/10.22259/2639-197X.0202001>
- Affandy, M., Mohd, M., Rashdi, O., Patah, A., Aziz, A. A., Mashuri, M. A. & Patah, M. O. R. A. (2020). Future Culinary Students' Career: Do Internship Program Experiences Make a Difference. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, 12(2), 128–143.
- Ahmad, N. A. (2018). The Self-Assessment of Hospitality Employment Skills Among Vocational Students in Malaysia. *Russian Journal of Economics*, 48(2), 123–154.
- Ahmad, N. A., Banu Kenayathulla, H., & Idris, A. R. (2017). Employability Skills for Hospitality Students in Malaysia. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 5(4), 63–86. <https://doi.org/10.22452/mojem.vol5no4.5>
- Ahmad Zubir, R. A. (2022). *Kerangka kemahiran kebolehpasaran dalam pekerjaan berasaskan projek berdasarkan keperluan industri di Johor*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ali, R. (2023). Hubungan kemahiran insaniah dengan kebolehgajian pelajar TVET. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 13–22. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4277>

- Borg, J., & Scott-Young, C. M. (2020). Employers' perspectives on work readiness in construction: are project management graduates hitting the ground running? *International Journal of Managing Projects in Business*, 13(6), 1363–1379. <https://doi.org/10.1108/IJMPB-10-2019-0238>
- Chigbu, B. I., & Nekhwevha, F. H. (2022). Academic-faculty environment and graduate employability: variation of work-readiness perceptions. *Heliyon*, 8(3). <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e09117>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mix Methods Approaches*. SAGE Publications, Inc.
- Fenech, R., Baguant, P., & Abdelwahed, I. (2020). Work readiness across various specializations. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 9(4), 86–92. <https://doi.org/10.36941/AJIS-2020-0064>
- Gevana, R., Gevana, R. T., Tan, J. B., & Professor, A. (2021). Career preparedness and employability skills of hospitality students. *International Journal of Social Science and Humanities Research*, 9(4), 12–22. <https://www.researchgate.net/publication/355029943>
- Gliner, J. A., Morgan, G. A., & Leech, N. L. (2017). *Research Methods in Applied Setting: An Intergrated Approach to Design and Analysis* (Third Edit). Routledge.
- Hidayatulloh, M. K. Y., & Ashoumi, H. (2022). The perspective of work readiness in vocational school students with 21st century communication and collaboration skills. *Cypriot Journal of Educational Sciences*, 17(7), 2199–2206. <https://doi.org/10.18844/cjes.v17i7.7588>
- Ismail, M. E., Hashim, S., Zakaria, A. F., Ariffin, A., Amiruddin, M. H., Rahim, M. B., Razali, N., Ismail, I. M., & Sa'adan, N. (2020). Gender analysis of work readiness among vocational students: A case study. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1 Special Issue), 270–277. <https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.01.029>
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2021). Laporan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2020. Kementerian Pengajian Tinggi, 1–135.
- Lewis, B. J. (2020). Culinary Sustainability Education: A Culinary Education as Sustainability. *ProQuest Dissertations and Theses*, 346. Retrieved from <https://search.proquest.com/dissertations-theses/culinary-sustainability-education-as/docview/2490243001/se-2?accountid=41849>
- McGunagle, D., & Zizka, L. (2020). Employability skills for 21st-century STEM students: the employers' perspective. *Higher Education, Skills and Work-Based Learning*, 10(3), 591–606. <https://doi.org/10.1108/HESWBL-10-2019-0148>
- Miller, C. A. (2019). Evaluating student performance in foodservice / culinary laboratories. Master of Science Thesis: New Mexico State University.
- Mohamed, H. (2020). Hubungan antara motivasi intrinsik, penglibatan ibu bapa dan kompetensi pensyarah dengan kemahiran kebolehpasaran pelajar seni kulineri kolej vokasional. [Master's thesis, Universiti Putra Malaysia]
- Mohd Puad, M. H., Mohamed, H., Mat Rashid, A., & Jamaluddin, R. (2021). Workplace skills and teacher competency from culinary arts students' perspectives. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29(1), 107–125. <https://doi.org/10.47836/PJSSH.29.1.06>
- Muhammad, N., Alias, N., Jamaludin, K. A., & Zulnaidi, H. (2022). Skills-based curriculum design for culinary course in Traditional Tahfiz institutions. *Heliyon*, 8(6), e09591. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e09591>
- National Centre for Vocational Education Research. (2003). Defining generic skills. The National Centre for Vocational Education Research Ltd and NCVER Ltd, 1–12. Retrieved from [https://www.ncver.edu.au/\\_data/assets/file/0020/4457/nr2102b.pdf](https://www.ncver.edu.au/_data/assets/file/0020/4457/nr2102b.pdf)
- Nunung, N., Sonhadji, S., Kamdi, W., & Nurlaela, L. (2018). Functional literacy skills and problem solving skills in Culinary Vocational School. *Advance in Social Science, Education and Humanities Research*, 112. 8-12. <https://doi.org/10.2991/iconhomecs-17.2018.2>
- Othman, N. M., & Hasan, A. (2019). Elemen kesediaan kerjaya ke arah kebolehpasaran graduan kolej vokasional bidang hospitaliti di Malaysia berdasarkan keperluan pensyarah. *Journal of Management and Operation Research*, 1(20), 1-9.
- Piaw, C. Y. (2021). *Kaedah Penyelidikan* (4th ed.). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.

- Prikshat, V., Kumar, S., & Nankervis, A. (2019). Work-readiness integrated competence model: Conceptualisation and scale development. *Education and Training*, 61(5), 568–589.  
<https://doi.org/10.1108/ET-05-2018-0114>
- Robbins, S. H., Gilbert, K., Chumney, F., & Green, K. B. (2019). The effects of immersive simulation on targeted collaboration skills among undergraduates in special education. *Teaching and Learning Inquiry*, 7(2), 168–185.
- Suhairom, N., Musta'amal, A. H., Mohd Amin, N. F., Kamin, Y., & Abdul Wahid, N. H. (2019). Quality culinary workforce competencies for sustainable career development among culinary professionals. *International Journal of Hospitality Management*, 81, 205–220.  
<https://doi.org/10.1016/j.ijhm.2019.04.010>
- Talib, O. (2019). Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik (4<sup>th</sup> Edition). Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Techanamurthy, U., Alias, N., & Dewitt, D. (2018). Problem-solving strategies among culinary arts students in community colleges. *Journal of Technical Education and Training*, 10(1), 56–70.  
<https://doi.org/10.30880/jtet.2018.10.01.005>
- Techanamurthy, U., Alias, N., & Dewitt, D. (2020). A problem-solving flipped classroom module: Developing problem-solving skills among culinary arts students. *Journal of Technical Education and Training*, 12(4), 39–47. <https://doi.org/10.30880/jtet.2020.12.04.004>
- Yusof, Y., Mohd Alwi, N. S. A., Roddin, R., & Awang, H. (2018). Penerapan kemahiran employability dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej komuniti di negeri Johor. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(2), 1–9.
- Zekry, M. S., Moussa, M. A., & Salama, M. A. (2023). Exploratory Study of Soft Skills in Tourism and Hospitality Sector: Perspectives of Hotels and Travel Agencies Managers, *Journal of the Faculty of Tourism and Hotels*, 7(1), 40–53. <https://doi.org/10.21608/mfth.2023.288573>.